



# KENYATAAN MEDIA

---

## SEGERA

### KENYATAAN MEDIA MENGENAI TAKRIFAN LEBUHRAYA ANTARA BANDAR

Lembaga Lebuhraya Malaysia ingin menjelaskan bahawa kesemua 18 lebuhraya yang terlibat di dalam penyelarasan kadar tol mulai 15 Oktober 2015 tidak terkategori di dalam Lebuhraya Antara Bandar. Secara amnya, lebuhraya di Malaysia dibahagikan kepada 3 kategori iaitu

- I. Lebuhraya Antara Bandar
- II. Lebuhraya Dalam Bandar
- III. Lebuhraya Bandar

Lebuhraya antara bandar merupakan lebuhraya yang menghubungkan satu ibu negeri dengan ibu negeri yang lain dan membentuk jaringan utama lebuhraya kebangsaan memandangkan ianya turut menghubungkan kawasan luar bandar (rural area) dengan bandar.

Dari segi geometriaknya, Lebuhraya antara bandar mempunyai akses terkawal dimana pengguna hanya boleh memasuki lebuhraya melalui persimpangan bertingkat yang ditentukan. Had laju bagi lebuhraya antara bandar adalah 110km/ jam. Lebuhraya yang dikategorikan sebagai lebuhraya antara bandar adalah Lebuhraya Utara Selatan dan Lebuhraya Pantai Timur.

LLM juga ingin menjelaskan bahawa Lebuhraya KL – Karak (KLK) bukanlah lebuhraya antara bandar. Ini adalah kerana KLK hanya menghubungkan di antara Gombak dan Bentong di Pahang. Selain itu KLK dibina dengan ciri geometrik intra urban highway iaitu mempunyai akses separa terkawal (partial access controlled) di mana terdapat simpang searas (atgrade) di sekitar kawasan perbandaran. Had laju di lebuhraya ini juga kurang dari 110 km/jam. KLK hanyalah lebuhraya penghubung di antara KL dan Karak.

Untuk itu, tidak timbul isu bahawa Kerajaan telah tidak mengotakan janji-janji yang dibuat menerusi Manifesto PRU13 kerana KLK bukanlah lebuhraya antara bandar.

Terima kasih

**KETUA PENGARAH**

**LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**



**17 OKTOBER 2015**

---

Dikeluarkan oleh:

**Unit Perhubungan Awam, Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran | Lembaga Lebuhraya Malaysia**

☎ : 03- 8738 3000 / D.L :03-8738 2506 / 2691 / 2692 | 📠 : 03-87383555

🌐 Laman Web : [www.ilm.gov.my](http://www.ilm.gov.my) |  [Lembaga Lebuhraya Malaysia](https://www.facebook.com/LembagaLebuhrayaMalaysia) |  [@infotrafikllm](https://twitter.com/infotrafikllm)

✉ [aduan@ilm.gov.my](mailto:aduan@ilm.gov.my)